

LAMPIRAN

Hero Shield Rider

Rider ini membentuk sebahagian daripada Polisi yang dilampirkan. Ia dikeluarkan dengan pertimbangan pembayaran premium Rider seperti yang dinyatakan di Jadual Tambahan. Sebarang perkataan atau ungkapan yang tidak ditakrifkan secara khusus dalam Lampiran ini akan mempunyai erti yang sama seperti yang disifatkan kepadanya dalam Polisi.

Rider ini tidak berhak untuk mengagih keuntungan lebihan dana insurans hayat Kami.

1. DEFINISI

“Kemalangan” atau “Akibat Kemalangan”	Kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa, dan tertentu pada masa dan tempat yang dikenal pasti, merupakan satu-satunya sebab untuk kecederaan anggota badan tanpa bergantung kepada sebarang sebab yang lain.
“Premium Tambahan”	Premium Tambahan ini yang dinyatakan dalam Jadual Tambahan yang terdapat dalam Jadual Polisi
“Hilang Upaya”	Kesakitan, penyakit, sakit atau semua kecederaan keseluruhan yang disebabkan oleh satu punca atau punca-punca yang berterusan.
“Doktor” atau “Pakar Perubatan” atau “Pakar Bedah”	Pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesi tersebut, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merupakan Orang yang Diinsuranskannya sendiri.
“Keadaan Sedia Ada”	Ketidakupayaan yang Orang yang Diinsuranskan mengetahui atau mempunyai pengetahuan terhadapnya. Seorang Orang yang Diinsuranskan akan dianggap mengetahui sesuatu keadaan yang sedia ada telah berlaku padanya jika:
	(a) Orang yang Diinsuranskan sedang atau telah menerima rawatan;
	(b) cadangan perubatan, rawatan atau perkhidmatan perubatan telah dicadangkan;
	(c) terdapat simptom yang jelas atau simptom tersebut telah dilihat dengan nyata; atau
	(d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang pernah/sedang mengalami keadaan tersebut.
“Jumlah Manfaat”	Jumlah Manfaat Rider ini yang dinyatakan dalam Jadual Tambahan yang terdapat dalam Jadual Polisi
“HUMK” atau “Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”	Dengan pendapat daripada dua (2) penasihat perubatan Kami, ialah sebagai akibat langsung daripada kecederaan badan kemalangan atau penyakit, dan pada masa tersebut atau pada bila-bila masa yang kemudian: (a) Untuk individu yang berumur antara empat belas (14) hari dan empat (4) tahun: Tiada kemungkinan yang munasabah untuk individu

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

mengikuti sebarang kerja, pekerjaan atau profesion untuk pampasan atau keuntungan semasa masa kemandirian yang baki, dengan syarat Hilang Upaya tersebut berkekal sekurang-kurangnya tempoh enam (6) bulan.

(b) Untuk individu yang tidak bekerja:

Individu, selepas mencapai Umur empat (4) tahun tetapi sebelum Umur tujuh puluh (70) tahun, tidak boleh melakukan sekurang-kurang empat (4) daripada enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian seperti yang ditetapkan di bawah tanpa bantuan orang lain, diberikan Hilang Upaya tersebut mesti kekal untuk tempoh tidak kurang dari enam (6) bulan.

Aktiviti Kehidupan Harian bermaksud:

- i. Mandi/ Membersihkan diri - Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- ii. Perihal Mengawal - Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
- iii. Pemakaian - Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain
- iv. Makan - Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.
- v. Pergerakan - Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- vi. Pemindahan - Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.

(c) Untuk individu yang bekerja:

Individu selepas mencapai Umur tiga belas (13) tahun tetapi sebelum Umur tujuh puluh (70) tahun, tidak boleh melakukan atau mengikuti sebarang kerja, pekerjaan atau profesion untuk mendapat dan memperoleh sebarang gaji, pampasan atau keuntungan, dengan syarat Hilang Upaya tersebut mesti kekal tidak kurang dari tempoh enam (6) bulan.

Sebagai tambahan, kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak dapat dipulih daripada kedua-dua mata, atau kehilangan secara keseluruhan semua tangan atau kaki oleh pemutusan, atau satu seluruh tangan dan satu seluruh kaki, atau kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulih oleh satu mata dan satu tangan dan/atau satu kaki, juga akan diambil kira sebagai Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.

2. MANFAAT-MANFAAT

- 2.1 Manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
Akibat Kemalangan
- 2.1.1. Semasa Rider ini masih berkuatkuasa tertakluk kepada syarat dan pengecualian yang dinyatakan di sini, sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau

mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan, Kami akan membayar seratus peratus (100%) daripada Jumlah Manfaat.

- 2.1.2. Manfaat ini hanya akan dibayar sekali sahaja.
- 2.1.3. Had agregat maksimum liabiliti Kami untuk bayaran manfaat tambahan terhadap Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan di bawah Polisi ini dan semua polisi-polisi lain dan rider untuk hayat yang sama, tidak boleh melebihi jumlah Ringgit Malaysia Dua Juta (RM 2,000,000) bagi Orang yang Diinsuranskan yang mencapai Umur satu (1) sehingga enam belas (16) dan Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM 10,000,000) bagi Orang yang Diinsuranskan yang mencapai Umur tujuh belas (17) sehingga tujuh puluh (70).
- 2.1.4. Sebarang tuntutan sah bagi bayaran manfaat akan melucutkan semua hak, opsyen, nilai dan manfaat-manfaat bagi Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan ini.
- 2.2 Jumlah Manfaat yang perlu dibayar di bawah klausula 2.1.1 akan tertakluk kepada peratusan berikut, berdasarkan Umur Orang yang Diinsuranskan ketika kejadian Kematian Akibat Kemalangan/HUMK Akibat Kemalangan:

Umur Ketika Kematian/HUMK Akibat Kemalangan	Peratusan Jumlah Manfaat
Satu (1) tahun	20.00%
Dua (2) tahun	40.00%
Tiga (3) tahun	60.00%
Empat (4) tahun	80.00%
Lima (5) tahun dan ke atas	100.00%

3. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

- 3.1. Tiada Manfaat Kematian Akibat Kemalangan akan dibayar sekiranya pembayaran Manfaat Kematian di bawah Polisi Asas tidak perlu dibayar. Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika kematian Orang yang Diinsuranskan adalah akibat bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana-mana lebih kemudian. Polisi ini akan menjadi tidak sah dan Kami akan memulangkan jumlah premium yang dibayar untuk Rider ini tanpa faedah.
- 3.2. Tiada Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan akan dibayar jika kecederaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh: -
 - (a) Sebarang penyakit yang disebabkan oleh kejadian yang tidak berkaitan dengan Kemalangan;
 - (b) Cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - (c) Kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang ditimbul ketika di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - (d) Kecederaan yang ditimbul semasa mengambil bahagian dalam pertandingan kelajuan atau daya ketahanan yang membahaya;
 - (e) Sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pesawat udara yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Antarabangsa dan dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang mengikut laluan komersil berjadual yang biasa);
 - (f) Pelayaran kapal selam;
 - (g) Perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - (h) Pelanggaran undang-undang atau menentang untuk dituduh;
 - (i) Sebarang bentuk Hilang Upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, yang mana-mana lebih kemudian;
 - (j) Memulihkan ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;

- (k) Peperangan sama ada diisyihar atau tidak diisyihar, mogok, apa-apa aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam;
- (l) Keadaan Sedia Ada yang telah wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, yang mana-mana lebih kemudian;
- (m) Hernia, ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogen yang berlaku dengan dan melalui luka kemalangan); atau
- (n) Racun, gas atau asap (diambil, diberi, diserap atau disedut secara sengaja atau tidak sengaja).

4. SYARAT-SYARAT AM

- 4.1. Semua bayaran adalah tertakluk kepada penolakan atas sebarang amaun yang terhutang kepada Kami.
- 4.2. Penuntut mesti memberi notis bertulis dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Orang yang Diinsuranskan bagi menuntut di bawah Polisi ini. Bukti kematian dan dokumen-dokumen lain yang memuaskan Kami mesti diberikan atas perbelanjaan penuntut kepada Kami. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa ini tidak akan membatalkan tuntutan itu jika dapat membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis itu lebih awal dan notis tersebut diberikan dengan secepat mungkin.
- 4.3. Hilang Upaya ini mesti kekal berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan selepas Hilang Upaya tersebut bermula.
- 4.4. Notis tuntutan bertulis mesti diberikan kepada Kami dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh Hilang Upaya bermula. Kegagalan untuk memberikan notis dalam tempoh masa ini tidak akan membatalkan tuntutan itu jika dapat membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis itu lebih awal dan notis tersebut telah diberikan dengan secepat mungkin. Setelah menerima notis tersebut, Kami akan memberikan borang kepada penuntut untuk mengisi bukti Hilang Upaya.
- 4.5. Mana-mana Doktor Kami mesti dibenarkan untuk memeriksa Orang yang Diinsuranskan terhadap sebarang Hilang Upaya, mengikut kaedah dan pada masa yang dikehendaki oleh Doktor.
- 4.6. Jika Kami tersilap dalam menentukan Hilang Upaya tersebut sebagai Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, Kami berhak untuk meminta balik semua amaun yang telah dibayar.
- 4.7. Jika terdapat kegagalan dalam mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan di atas, tiada tuntutan akan dibuat atau disah atau dikuatkuasakan.

5. KADAR PREMIUM

Kadar Premium Tambahan adalah tetap sepanjang Tempoh Perlindungan untuk Rider ini. Namun, kadar ini adalah tidak terjamin dan Kami berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi Anda notis sembilan puluh (90) hari. Premium yang disemak semula akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi berikutnya.

6. PENYERAHAN

Ketika Rider ini berkuatkuasa, Anda boleh menyerahkan Rider ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Rider Anda akan kekal berkuatkuasa sehingga Tarikh Mesti Bayar yang seterusnya. Tiada nilai penyerahan akan dibayar di bawah Rider ini.

7. PENAMATAN

Rider ini akan dibatalkan secara automatik apabila berlakunya peristiwa-peristiwa di bawah, mengikut mana-mana yang lebih awal:

- (a) Kematian Orang yang Diinsuranskan;
- (b) Pembayaran penuh terhadap Manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan; atau
- (c) Jika Polisi atau Rider menjadi matang, dibatalkan, diluputkan atau diserahkan.

8. TEMPOH BERTENANG

Anda boleh meminta untuk membatalkan Rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kami dalam tempoh masa lima belas (15) hari selepas penghantaran dokumen kepada Anda. Kami akan memulangkan jumlah premium yang telah dibayar untuk Rider ini tanpa faedah.

9. CUKAI PENGGUNAAN

Sekiranya cukai perkhidmatan, cukai tambah nilai atau apa-apa cukai serupa (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Cukai Penggunaan") dan apa-apa duti, cukai, levi yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa berkaitan dengan mana-mana bekalan barang dan/atau perkhidmatan yang diberi di bawah Rider ini, Anda akan bertanggungjawab untuk membayar amaun tersebut.